



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



AKAUN PEMBEKALAN DAN PENGGUNAAN KOMODITI PERTANIAN TERPILIH

*SUPPLY AND UTILIZATION ACCOUNTS
SELECTED AGRICULTURAL COMMODITIES*

2020-2024

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

AKAUN PEMBEKALAN DAN PENGGUNAAN KOMODITI PERTANIAN TERPILIH

SUPPLY AND UTILIZATION ACCOUNTS SELECTED AGRICULTURAL COMMODITIES

MALAYSIA 2020-2024

Pemakluman

Malaysia buat julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 197 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my/>

Announcement

Malaysia, for the first time, successfully recorded the top position globally in biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my/>

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7 Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / Youtube	: StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM35.00

Diterbitkan pada Disember 2025 / *Published in December 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*


Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source : Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2231 – 718X



KATA PENGANTAR

Penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, memaparkan statistik pengeluaran, eksport dan import serta indikator kadar sara diri, kadar kebergantungan import dan penggunaan per kapita bagi komoditi pertanian terpilih. Statistik dan indikator ini merupakan petunjuk penting bagi melihat kedudukan pertanian negara terutama dalam menentukan jaminan bekalan makanan yang mencukupi. Penambahan enam item baharu telah diliputi dalam penerbitan tahun ini iaitu buah naga, limau besar/ bali, kacang buncis, cendawan, bawal dan ikan merah.

Penyusunan SUA adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Food Balance Sheets - A Handbook* yang dikeluarkan oleh *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO), Rome, 2001 dan *Guidelines for the Compilation of Food Balance Sheet* oleh FAO, 2017. Penerbitan ini boleh membantu agensi kerajaan, pembuat dasar dan penyelidik dalam menilai situasi semasa dan merancang pembangunan sektor pertanian sebagai sumber bahan makanan kepada penduduk dan bahan mentah bagi pembangunan industri berasaskan pertanian untuk kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Bahagian pertama penerbitan ini menerangkan rantai bekalan makanan di Malaysia dan diikuti dengan ringkasan penemuan di bahagian kedua. Bahagian ketiga memuatkan jadual terperinci siri masa mengikut komoditi pertanian terpilih bagi membantu pengguna membuat analisis. Sementara itu, bahagian terakhir mengandungi nota teknikal untuk menerangkan konsep dan definisi bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam penyediaan penerbitan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Disember 2025

PREFACE

Supply and Utilization Accounts (SUA) of Selected Agricultural Commodities, Malaysia, shows statistics on production, exports and imports as well as indicators of self-sufficiency ratio, import dependency ratio and per capita consumption for selected agricultural commodities. These statistics and indicators are important indicators to the national agriculture situation, particularly in determining sufficient food supply security. The additional of six new items has been included in this year's publication, namely dragon fruit, pomelo, french beans, mushroom, pomfret and red snapper.

The compilation of SUA is based on the concepts and guidelines from Food Balance Sheets - A Handbook published by the Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO), Rome, 2001 and Guidelines for the Compilation of Food Balance Sheet by FAO, 2017. This publication could assist government agencies, policy makers and researchers in assessing the current situation and planning the development of the agricultural sector as food sources for the population as well as a raw material sources in the development of agriculture-based industries for progress of the country and well-being of the people.

The first part of this publication presents the food supply chain in Malaysia agriculture and followed by the summary of findings in the second part. The third part contains detailed time series tables by selected agricultural commodities to facilitate analysis. Meanwhile, the last part contains technical notes that explain the concepts and definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician, Malaysia

December 2025

KANDUNGAN

CONTENTS

Muka surat

Kata Pengantar	iii
<i>Preface</i>	iv
Senarai Jadual	vi
<i>List of Tables</i>	vi
Pengenalan	3
<i>Introduction</i>	7
Ringkasan Penemuan	11
<i>Summary of Findings</i>	35
Pengeluaran, Import, Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Komoditi Pertanian Terpilih	11
<i>Production, Import, Export and Per Capita Consumption (PCC) for Selected Agricultural Commodities</i>	35
Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi Komoditi Pertanian Terpilih	26
<i>Self-Sufficiency Ratio (SSR) and Import Dependency Ratio (IDR) for Selected Agricultural Commodities</i>	50
Import Barangan Makanan Terpilih	31
<i>Imports of Selected Food Products</i>	55
Jadual	59
<i>Tables</i>	59
Nota Teknikal	79
<i>Technical Notes</i>	86

SENARAI JADUAL


LIST OF TABLES

Muka surat

1	Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Buah-buahan Terpilih, Malaysia, 2020-2024 <i>Supply and Utilization Accounts for Selected Fruits, Malaysia, 2020-2024</i>	59
2	Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Sayur-sayuran Terpilih, Malaysia, 2020-2024 <i>Supply and Utilization Accounts for Selected Vegetables, Malaysia, 2020-2024</i>	62
3	Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Tanaman Lain Terpilih, Malaysia, 2020-2024 <i>Supply and Utilization Accounts for Other Selected Crops, Malaysia, 2020-2024</i>	64
4	Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Ternakan Terpilih, Malaysia, 2020-2024 <i>Supply and Utilization Accounts for Selected Livestock, Malaysia, 2020-2024</i>	66
5	Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Perikanan Terpilih, Malaysia, 2020-2024 <i>Supply and Utilization Accounts for Selected Fisheries, Malaysia, 2020-2024</i>	68
6	Penggunaan Per Kapita bagi Item Pertanian Terpilih mengikut Negeri, Malaysia, 2024 <i>Per Capita Consumption of Selected Agricultural Item by State, Malaysia, 2024</i>	71
7	Harga Purata bagi Item Pertanian Terpilih, Malaysia, 2022-2024 <i>Average Price of Selected Agricultural Item, Malaysia, 2022-2024</i>	73
8	Bilangan Penduduk mengikut Negeri, Malaysia, 2022-2024 <i>Number of Population by State, Malaysia, 2022-2024</i>	76

AKAUN PEMBEKALAN DAN PENGGUNAAN KOMODITI PERTANIAN TERPILIH, 2020-2024

KADAR SARA DIRI (SSR) 2024



Nota: Tiada SSR bagi tiga item iaitu bawang besar, bawang putih dan epal

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2020-2024



PENGUNAAN PER KAPITA (PCC) 2024

TANAMAN (kg/tahun)



TERNAKAN (kg/tahun)



PERIKANAN (kg/tahun)



Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2020-2024



KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) 2024

TANAMAN (peratus)



TERNAKAN (peratus)



PERIKANAN (peratus)



Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2020-2024






MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

SUPPLY AND UTILIZATION ACCOUNTS SELECTED AGRICULTURAL COMMODITIES, 2020-2024

SELF-SUFFICIENCY RATIO (SSR) 2024



Note: There is no SSR for three items which are onion, garlic and apple

Source: Supply and Utilization Accounts Selected Agriculture Commodities, 2020-2024



@StatsMalaysia





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PER CAPITA CONSUMPTION (PCC) 2024


CROPS (kg/year)



LIVESTOCK (kg/year)



FISHERIES (kg/year)



Source: Supply and Utilization Accounts Selected Agriculture Commodities, 2020-2024



@StatsMalaysia





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

IMPORT DEPENDENCY RATIO (IDR) 2024

CROPS (per cent)



LIVESTOCK (per cent)



FISHERIES (per cent)



Source: Supply and Utilization Accounts Selected Agriculture Commodities, 2020-2024





PENGENALAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

RANTAIAN BEKALAN MAKANAN DI MALAYSIA

Bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan berterusan merupakan asas kepada kestabilan sosial dan pembangunan ekonomi negara. Rantaian bekalan makanan merujuk kepada keseluruhan sistem dan proses yang terlibat bermula daripada pengeluaran, pemprosesan, pengangkutan, penyimpanan, pengedaran, peruncitan sehinggalah kepada pengguna akhir. Setiap peringkat dalam rantaian ini saling berkait rapat dan mempengaruhi tahap ketersediaan, harga serta kualiti makanan di pasaran.

Rantaian bekalan makanan di Malaysia merangkumi pelbagai sektor utama antaranya pertanian, industri pemprosesan, logistik dan perdagangan edaran. Sektor ini memainkan peranan dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan kepada 33.4 juta penduduk Malaysia. Walaupun sektor pertanian menyumbang secara signifikan kepada Pengeluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), negara masih bergantung kepada import untuk memenuhi permintaan domestik. Nilai import agromakanan negara mencecah RM93.7 bilion melibatkan 12 kumpulan agromakanan utama pada 2024.

Beras ditanam secara meluas di kawasan jelapang padi seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Perak dan ia merupakan makanan ruji utama rakyat Malaysia. Sementara itu, bagi subsektor ternakan, pengeluaran daging ayam merupakan produk yang paling lazim dengan 1,830.6 ribu tan metrik dan mencatatkan kadar sara diri (SSR) 92.9 peratus, menjadikannya antara sumber protein utama penduduk Malaysia.

Industri berasaskan pertanian di Malaysia merupakan antara penyumbang utama kepada sektor pembuatan negara. Produk berasaskan minyak sawit seperti minyak masak, marjerin, makanan proses serta makanan haiwan memainkan peranan penting dalam rantaian pemprosesan kerana minyak sawit

merupakan komoditi eksport utama negara. Tambahan pula, industri pemprosesan berasaskan ternakan khususnya ayam pedaging dan telur ayam/ itik juga memainkan peranan yang signifikan. Ayam pedaging diproses kepada pelbagai bentuk produk sejuk beku seperti ayam segar berbungkus, ayam diperap, nugget, sosej dan produk daging siap dimasak, manakala telur diproses kepada telur cecair, telur pasteur dan pelbagai produk bakeri serta konfeksi. Produk-produk ini bukan sahaja memenuhi permintaan domestik, tetapi juga menembusi pasaran antarabangsa antaranya Singapura, Thailand dan Australia.

Bagi subsektor lain, produk perikanan seperti ikan, udang, sotong dan hasil laut turut diproses kepada makanan sejuk beku, makanan dalam tin, produk surimi serta produk sedia dimakan. Perkembangan sektor pemprosesan ini didorong oleh keupayaan Malaysia yang memiliki sumber semula jadi yang luas serta sokongan industri hiliran yang telah berkembang pesat dan memenuhi piawaian antarabangsa termasuk pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP), Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan pensijilan halal. Dua subkumpulan tertinggi dalam perbelanjaan makanan isi rumah pada 2024 adalah subkumpulan ikan & makanan laut lain dengan purata perbelanjaan RM193.00 sebulan dan subkumpulan daging haiwan darat yang disembelih adalah RM126.00 sebulan.

Hal ini menunjukkan kepentingan industri pemprosesan makanan yang terus berkembang seiring dengan permintaan tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia. Produk yang diproses ini tidak hanya disalurkan ke pasaran eksport, tetapi turut memenuhi sistem edaran makanan domestik melalui pelbagai saluran seperti pasar raya, kedai runcit, kedai bakeri dan restoran. Oleh itu, hubungan antara industri pemprosesan makanan dengan pengguna adalah amat penting dan menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan makanan negara yang tidak boleh dipisahkan.

1 Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2024. Jabatan Perangkaan Malaysia.

2 Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia

Penyimpanan makanan merupakan elemen penting dalam menjamin kelestarian dan keselamatan rantai bekalan makanan negara. Ia bertindak sebagai penampungan antara pengeluar dan pengguna, terutama bagi produk makanan yang mudah rosak seperti hasil segar, daging, tenusu dan makanan laut. Keberkesanan sistem penyimpanan bukan sahaja memanjangkan jangka hayat produk makanan, malah turut membantu mengekalkan nilai nutrisi, tekstur dan kualiti makanan. Kekurangan kemudahan seperti stor sejuk bergerak, gudang suhu rendah dan pusat penyimpanan sementara di lokasi pengeluaran menyumbang kepada peningkatan kadar kehilangan lepas tuai dan pembaziran makanan.

Sistem pengedaran makanan di Malaysia melibatkan pelbagai saluran termasuk logistik darat, laut dan udara serta infrastruktur seperti pusat pengumpulan hasil dan hab pengedaran. Objektif utama pengedaran adalah memastikan makanan dapat sampai ke lokasi pengguna dengan cepat, selamat, dalam kuantiti mencukupi serta pada kos yang berpatutan. Sebagai contoh, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Mini RTC dan Pusat Pengumpulan, Penggredan dan Pembungkusan (CCPC) yang berfungsi sebagai nod logistik untuk menyelaraskan bekalan daripada peladang, penternak dan nelayan di setiap negeri.

Seterusnya, sistem peruncitan memainkan peranan penting dalam memastikan makanan sampai kepada pengguna. Industri peruncitan makanan telah berkembang dengan pesat merangkumi pelbagai saluran daripada pasar raya besar, pasar raya, kedai runcit, pasar tani, pasar malam sehingga kepada platform digital. Kepelbagaian saluran ini bukan sahaja dapat meningkatkan kebolehcapaian makanan kepada semua lapisan masyarakat, malah membantu memperluaskan capaian produk tempatan.

Komponen akhir dalam rantai bekalan makanan ialah penggunaan, iaitu peringkat di mana makanan yang diproses dan diedarkan akhirnya digunakan. Penggunaan makanan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pendapatan isi rumah, budaya pemakanan, gaya hidup serta akses kepada makanan. Berdasarkan dapatan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2024, isi rumah di kawasan bandar dan luar bandar memperuntukkan masing-masing 13.6 dan 12.2 peratus bagi subkumpulan makanan di luar rumah. Manakala, perbelanjaan bagi kumpulan makanan dan minuman, isi rumah di kawasan bandar memperuntukkan hanya 14.4 peratus berbanding isi rumah di kawasan luar bandar 23.0 peratus. Ini menunjukkan isi rumah di kawasan luar bandar lebih mengutamakan kepada penyediaan makanan sendiri.



- 1 Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2024. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- 2 Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia



INTRODUCTION

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

FOOD SUPPLY CHAIN IN MALAYSIA

An adequate, safe and continuous food supply forms the foundation of social stability and national economic development. The food supply chain refers to the entire system and processes involved starting from production, processing, transportation, storage, distribution, and retailing, up to the final consumer. Each stage in this chain is closely interconnected and influences the availability, price and quality of food in the market.

The food supply chain in Malaysia encompasses various key sectors, including agriculture, processing industries, logistics and distributive trade. These sectors play a role in ensuring the continuity of food supply for Malaysia's population of 33.4 million. Although agriculture sector contributes significantly to Gross Domestic Product (GDP), the country still relies on imports to meet domestic demand. The value of the country's agrofood imports reached RM93.7 billion, involving 12 main agrofood categories in 2024.

Rice widely cultivated in rice granary areas such as Kedah, Perlis, Kelantan and Perak as it is the main staple food for Malaysians. Meanwhile, in the livestock subsector, chicken meat production is the most common product with a 1,830.6 thousand tonnes and recorded self-sufficiency ratio (SSR) of 92.9 per cent, making it one of the main protein sources for Malaysia's population.

The agriculture-based industry in Malaysia is among key contributors to the country's manufacturing sector. Palm oil-based products such as cooking oil, margarine, processed foods and animal feed play a vital role in the processing chain, as palm oil is one of the nation's main export commodities. In addition, livestock-based processing industries, particularly broiler chickens and chicken/ duck eggs, also play a significant role. Broiler chickens

are processed into a variety of frozen products such as packaged fresh chicken, marinated chicken, nuggets, sausages and ready-to-eat meat products, while eggs are processed into liquid eggs, pasteurized eggs and various bakery and confectionery items. These products not only meet domestic market but also penetrate international markets, such as Singapore, Thailand and Australia.

For other subsectors, fisheries products such as fish, shrimp, cuttlefish and other seafood are also processed into frozen foods, canned foods, surimi products and ready-to-eat products. The development of this processing sector is driven by Malaysia's abundant natural resources and sound downstream industries that meet international standards including Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP), Good Manufacturing Practice (GMP) and halal certification. The two highest subgroups in household food expenditure in 2024 were the fish and other seafood subgroup, with an average of RM193.00 per month and the meat of slaughtered land animals subgroup with an average of RM126.00 per month.

This highlights the importance of the food processing industry, which continues to grow in tandem with the high demand among Malaysians. These processed products are not only distributed to international markets but also supply the domestic food distribution system through various channels such as supermarkets, grocery stores, bakeries and restaurants. Therefore, the interrelation between the food processing industry and consumers is crucial and forms an inseparable part of the country's food supply chain.

Food storage is a crucial element in ensuring the sustainability and safety of the national food supply chain. It acts as a buffer between producers and consumers, particularly for highly perishable products such as fresh produce, meat, dairy and seafood. An effective storage

1 Household Expenditure Survey Report Malaysia 2024. Department of Statistics Malaysia

2 Final External Trade Statistics 2025. Department of Statistics Malaysia

INTRODUCTION

system not only extends the shelf life of food products but also helps maintain their nutritional value, texture and quality. The lack of facilities such as mobile cold storage, low-temperature warehouses and temporary storage centers at production sites contributes to higher post-harvest losses and food waste.

Food distribution system in Malaysia involves multiple channels including land, sea and air logistics, as well as infrastructure such as collection centres and distribution hubs. The main objective of distribution is to ensure that food reaches consumers quickly, safely, in sufficient quantities and at affordable costs. For instance, Rural Transformation Centres (RTC), Mini RTCs and Collection, Grading and Packaging Centres (CCPC) serve as logistics nodes to coordinate supplies from farmers, breeders and fishermen across states.

Furthermore, the retail system plays an important role in ensuring that food reaches consumers. Food retail has expanded rapidly and includes various channels ranging from

hypermarkets, supermarkets, grocery stores, farmers' markets and night markets to digital platforms. This diversity of channels not only improves food accessibility for all levels of society but also helps broaden the reach of local products into wider markets.

The final component in the food supply chain is consumption, the stage at which processed and distributed food is ultimately consumed. Food consumption patterns are influenced by various factors such as household income, dietary culture, lifestyles and access to food. Based on Household Expenditure Survey (HES) 2024 report, urban and rural households spend 13.6 and 12.2 per cent respectively for food away from home subgroup. Meanwhile, expenditure for food and beverages group, urban household spend only 14.4 per cent as compared to rural household with 23.0 per cent. This showed that rural household tend to prioritised on self-prepared food.



- 1 Household Expenditure Survey Report Malaysia 2024. Department of Statistics Malaysia
- 2 Final External Trade Statistics 2025. Department of Statistics Malaysia



RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

A. PENGELUARAN, IMPORT, EKSPORT DAN PENGGUNAAN PER KAPITA (PCC) BAGI KOMODITI PERTANIAN TERPILIH

Sebanyak 60 item pertanian terpilih dengan enam item baharu iaitu buah naga, limau besar/ bali, kacang buncis, cendawan, bawal dan ikan merah telah diliputi dalam penerbitan ini. Tiga puluh enam item mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran pada 2024. Sementara itu, import bagi 27 item pertanian terpilih dan eksport bagi 20 item pertanian mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Buah-buahan Terpilih

Pengeluaran bagi sembilan jenis buah-buahan terpilih menunjukkan peningkatan pada 2024 berbanding tahun sebelumnya. Kelapa kekal mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 673.6 ribu tan metrik pada 2024. Peningkatan pengeluaran tertinggi pula dicatatkan oleh nanas dengan 76.0 ribu tan metrik, diikuti kelapa 47.0 ribu tan metrik.

Eksport tembikai adalah yang tertinggi pada 2024 iaitu 48.4 ribu tan metrik, 28.9 peratus daripada jumlah pengeluaran tempatan. Jumlah eksport ini meningkat 9.9 peratus berbanding 2023.

Sementara itu, kelapa mencatatkan jumlah import tertinggi pada 2024 iaitu 305.4 ribu tan metrik, meningkat 12.4 peratus berbanding 2023. Ini diikuti mangga yang mencatatkan jumlah import 48.3 ribu tan metrik pada 2024 (2023: 50.0 ribu tan metrik).

Kelapa merupakan buah-buahan yang paling banyak tersedia untuk digunakan oleh penduduk dengan 26.8 kg/tahun pada 2024. Ini diikuti oleh durian 15.6 kg/tahun dan nanas 11.3 kg/tahun.



Tembikai merekodkan eksport tertinggi dengan 48.4 ribu tan metrik pada 2024.



RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 3: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Buah-buahan Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024


Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Belimbing	2024	7,388.5	1,433.9	0.1	0.2
	2023	6,351.1 ^r	1,057.0	0.1	0.2
Betik	2024	46,975.5	14,918.6	930.6	0.9
	2023	54,766.7 ^r	14,272.1	1,057.4	1.2
Buah naga	2024	26,997.8	4,901.0	4,133.0	0.8
	2023	36,155.9	5,415.7	2,994.5	1.0
Cempedak/ nangka	2024	64,050.6	6,226.2	347.8	1.6
	2023	60,216.6 ^r	6,087.6	924.8	1.5
Durian	2024	568,806.8	30,809.8	10,563.3	15.6
	2023	592,052.6	41,633.0 ^r	18,928.2	16.5
Jagung manis	2024	58,649.9	9,187.0	2,041.5	1.3
	2023	63,508.0	8,224.3	2,322.0	1.5
Jambu batu	2024	48,155.9	4,109.7	3,676.7	1.3
	2023	44,674.3 ^r	4,245.3	3,454.0	1.2
Kelapa	2024	673,553.4	8,217.1	305,385.1	26.8
	2023	626,557.3 ^r	8,497.6	271,733.2	25.0
Langsat	2024	8,415.0	200.6	2,686.1	0.3
	2023	9,566.7	5,527.8	3,031.6	0.2
Limau besar/ bali	2024	23,552.5	2,738.8	2,956.3	0.6
	2023	17,051.8	3,186.6	2,144.9	0.4
Mangga	2024	8,628.2	15,618.8	48,838.0	1.2
	2023	9,213.5	10,864.4	50,047.2	1.4
Manggis	2024	30,230.9	2,568.6	3,823.8	0.9
	2023	22,073.2	1,907.7	3,134.0	0.7
Nanas	2024	516,870.3	11,632.7	880.1	11.3
	2023	440,848.5	12,801.4	1,003.0	9.8
Pisang	2024	335,444.0	23,712.1	32,862.1	9.5
	2023	343,203.2	24,466.4	35,456.7	10.0
Rambutan	2024	56,333.3	1,496.7	1,817.8	1.5
	2023	52,551.7	1,806.2	1,783.4	1.4
Tembikai	2024	167,611.1	48,444.8	16,937.2	3.8
	2023	150,243.3	44,078.5	10,907.8	3.3

Nota: r = pindaan




RINGKASAN PENEMUAN


Carta 1: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Belimbing, 2022-2024




Carta 2: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Betik, 2022-2024




Carta 3: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Buah Naga, 2022-2024




Carta 4: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Cempedak/ Nangka, 2022-2024




Carta 5: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Durian, 2022-2024




Carta 6: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Jagung Manis, 2022-2024



Carta 7: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Jambu Batu, 2022-2024




Carta 8: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Kelapa, 2022-2024




RINGKASAN PENEMUAN


Carta 9: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Langsung, 2022-2024




Carta 10: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Lima Besar /Bali, 2022-2024




Carta 11: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Mangga, 2022-2024




Carta 12: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Manggis, 2022-2024




Carta 13: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Nanas, 2022-2024




Carta 14: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Pisang, 2022-2024



Carta 15: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Rambutan, 2022-2024



Carta 16: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Tembikai, 2022-2024



Sayur-sayuran Terpilih

Pengeluaran tertinggi sayur-sayuran terpilih pada 2024 dicatatkan oleh tomato iaitu 259.2 ribu tan metrik, meningkat 37.2 peratus (70.3 ribu tan metrik) berbanding 2023. Salad menunjukkan pertumbuhan tertinggi dalam pengeluaran pada 2024 berbanding 2023, dengan peningkatan 43.1 peratus (44.7 ribu tan metrik). Manakala pengeluaran kacang buncis kekal terendah di kalangan sayur-sayuran terpilih, iaitu 14.9 ribu tan metrik.

Tomato mencatatkan peningkatan kuantiti eksport tertinggi pada 2024, dengan jumlah 2.1 ribu tan metrik (6.0%) berbanding 2023. Sebaliknya, eksport sawi menunjukkan penurunan sebanyak 3.2 ribu tan metrik (-74.0%).

Lapan sayur-sayuran terpilih menunjukkan peningkatan import berbanding 2023 iaitu terung yang meningkat 22.3 peratus, salad (18.2%), cili (18.2%), bayam (12.0%), kobis bulat (6.8%), timun (2.8%), tomato (1.8%) dan kacang panjang (0.3%). Kobis bulat mencatatkan import tertinggi di kalangan sayur-sayuran terpilih, mencecah 171.5 ribu tan metrik, dengan peningkatan 6.8 peratus (1.0 ribu tan metrik) pada 2024.

PCC tertinggi sayur-sayuran terpilih adalah kobis bulat dengan 8.0 kg/tahun, meningkat sebanyak 0.5 kg berbanding 2023. Ini diikuti oleh tomato dan sawi dengan masing-masing sebanyak 5.9 dan 4.7 kg/tahun. PCC terendah pada 2024 adalah kacang buncis dengan 0.4 kg/tahun namun meningkat 0.1 kg/tahun berbanding sebelumnya (2023: 0.3 kg/tahun).

Tomato mencatatkan pengeluaran tertinggi pada 2024 iaitu mencecah 259.2 ribu tan metrik, meningkat 37.2 peratus.



Paparan 4: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Sayur-sayuran Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024


Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Bayam	2024	85,155.4	7,370.1	1,739.2	2.3
	2023	82,993.6	7,556.1	1,553.2	2.2
Bendi	2024	70,202.6	3,944.1	847.0	1.8
	2023	65,697.9	3,413.6	993.1	1.7
Cili	2024	45,058.2	3,198.4	83,853.0	2.7
	2023	41,358.6	3,896.6	70,922.4	2.3
Kacang buncis	2024	14,880.4	3,513.0	754.2	0.4
	2023	11,739.6	3,163.8	840.9	0.3
Kacang panjang	2024	62,894.3	6,156.5	1,976.7	1.7
	2023	57,445.3	6,112.8	1,971.7	1.5
Kobis bulat	2024	119,803.4	3,731.5	171,544.2	8.0
	2023	108,748.6	3,825.3	160,563.7	7.5

RINGKASAN PENEMUAN


Paparan 4: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Sayur-sayuran Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024 (samb.)

Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Salad	2024	148,196.5	15,091.8	9,073.1	4.2
	2023	103,542.1	14,571.2	7,633.9	2.9
Sawi	2024	157,360.6	1,107.7	6,903.5	4.7
	2023	154,810.9	4,262.8	9,357.8	4.7
Terung	2024	56,468.9	7,034.4	4,804.3	1.6
	2023	45,776.5	8,445.3	3,926.8	1.2
Timun	2024	106,784.6	18,122.3	12,351.5	2.9
	2023	112,344.8	18,428.7	12,015.3	3.1
Tomato	2024	259,178.9	36,855.9	7,021.8	5.9
	2023	188,842.2	34,754.0	6,899.1	4.2


Carta 17: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Bayam, 2022-2024




Carta 18: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Bendi, 2022-2024



Carta 19: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Cili, 2022-2024




Carta 20: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Kacang Buncis, 2022-2024




RINGKASAN PENEMUAN


Carta 21: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Kacang Panjang, 2022-2024




Carta 22: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Kobis Bulat, 2022-2024




Carta 23: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Salad, 2022-2024




Carta 24: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Sawi, 2022-2024




Carta 25: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Terung, 2022-2024



Carta 26: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Timun, 2022-2024



Carta 27: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Tomato, 2022-2024



Tanaman Lain Terpilih

Tiga daripada enam tanaman lain terpilih merekodkan peningkatan pengeluaran pada 2024 berbanding tahun sebelumnya. Ubi keledek mencatatkan peningkatan pengeluaran sebanyak 17.6 ribu tan metrik, limau nipis/ kasturi (5.0 ribu tan metrik) dan halia (0.5 ribu tan metrik).

Eksport cendawan dan limau nipis/ kasturi mencatatkan peningkatan pada 2024 berbanding 2023. Eksport cendawan meningkat kepada 5.9 ribu tan metrik (2023: 5.6 ribu tan metrik), manakala limau nipis/ kasturi meningkat kepada 2.3 ribu tan metrik (2023: 1.9 ribu tan metrik). Sebaliknya, empat tanaman terpilih yang lain merekodkan penurunan eksport dalam tempoh yang sama.

Lima daripada enam tanaman lain terpilih mencatatkan peningkatan import pada 2024 berbanding tahun sebelumnya. Halia mencatatkan peningkatan tertinggi dengan 7.6 ribu tan metrik. Import halia menyumbang 84.8 peratus daripada jumlah bekalan domestik.

Ketersediaan bekalan ubi keledek bagi setiap penduduk adalah yang tertinggi di antara item tanaman lain terpilih dengan PCC 2.1 kg/tahun. Sebaliknya, PCC tebu adalah terendah iaitu 0.003 kg/tahun.

Ubi keledek mencatatkan peningkatan pengeluaran sebanyak 17.6 ribu tan metrik.




Paparan 5: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Tanaman Lain Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024

Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Cendawan	2024	8,445.3	5,921.9	21,154.1	0.7
	2023	12,787.9	5,628.8	20,074.0	0.8
Halia	2024	11,256.4	1,771.1	62,922.3	2.0
	2023	10,784.7	2,275.3	55,354.8	1.8
Limau nipis/ kasturi	2024	22,639.6	2,278.5	13,208.7	1.0
	2023	17,646.3	1,927.0	12,797.4	0.8
Tebu	2024	17,954.6	8,071.3	109.2	0.003
	2023	20,364.2	8,093.4	306.6	0.004
Ubi kayu	2024	41,341.2	750.8	6,148.9	0.1
	2023	45,266.1	1,176.6	887.8 ^r	0.1
Ubi keledek	2024	50,583.3	1,290.3	24,720.9	2.1
	2023	32,983.8	1,925.4	21,833.5	1.5


Nota: r = pindaan

RINGKASAN PENEMUAN


Carta 28: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Cendawan, 2022-2024




Carta 29: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Halia, 2022-2024




Carta 30: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Limau Nipis/ Kasturi, 2022-2024




Carta 31: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Tebu, 2022-2024



Carta 32: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Ubi Kayu, 2022-2024



Carta 33: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Ubi Keledek, 2022-2024



Ternakan Terpilih

Pengeluaran daging ayam mencatatkan peningkatan tertinggi pada 2024 iaitu sebanyak 266.0 ribu tan metrik kepada 1,830.6 ribu tan metrik berbanding 1,564.6 ribu tan metrik pada 2023. Sementara itu, pengeluaran telur ayam/ itik menurun sebanyak 52.2 ribu tan metrik kepada 953.6 ribu tan metrik berbanding tahun sebelumnya.

Eksport daging ayam meningkat sebanyak 9.2 ribu tan metrik kepada 76.7 ribu tan metrik berbanding 67.5 ribu tan metrik pada tahun sebelumnya. Tiga daripada tujuh item ternakan terpilih merekodkan penurunan eksport pada 2024 berbanding tahun sebelumnya iaitu daging babi (0.2 ribu tan metrik), daging lembu/ kerbau (0.3 ribu tan metrik) dan daging itik (0.7 ribu tan metrik).

Import daging ayam kekal tertinggi pada 2024 berbanding item ternakan terpilih yang lain mencecah 217.2 ribu tan metrik. Ini diikuti dengan daging lembu/ kerbau dengan

210.4 ribu tan metrik, lebih tinggi daripada pengeluaran tempatan iaitu sebanyak 168.0 ribu tan metrik. Namun, bagi peningkatan kuantiti import, daging kambing/ bebiri mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu 46.2 ribu tan metrik (9.4%) berbanding 36.9 ribu tan metrik pada 2023.

Daging ayam mencatatkan PCC tertinggi iaitu 54.9 kg/tahun pada 2024 berbanding produk ternakan terpilih yang lain. Ini diikuti oleh telur ayam/ itik iaitu 24.2 kg/tahun. Manakala, PCC terendah pada tahun 2024 direkodkan oleh daging itik, iaitu 1.4 kg/tahun.

Pengeluaran daging ayam mencatatkan peningkatan tertinggi pada 2024 iaitu sebanyak 266.0 ribu tan metrik.

Paparan 6: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Ternakan Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024


Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Daging ayam	2024	1,830,579.8	76,714.7	217,173.8	54.9
	2023	1,564,606.2	67,510.4	237,421.0	49.3
Daging babi	2024	136,506.3	326.4	65,218.4	15.9
	2023	147,419.3	501.7	64,771.9	17.0
Daging itik	2024	66,399.8	15,300.8	25.5	1.4
	2023	67,335.1	15,986.7 ^r	82.4 ^r	1.5
Daging kambing/ bebiri	2024	4,269.4	313.1	46,208.4	1.5
	2023	4,368.4	89.3	36,852.8	1.2
Daging lembu/ kerbau	2024	42,426.3	837.8	210,393.9	6.8
	2023	38,667.2	1,107.8	205,246.9	6.7
Susu segar	2024	42,468.6	15,662.7	36,868.8	1.9
	2023	40,111.9	14,071.9	33,980.0 ^r	1.8
Telur ayam/ itik	2024	953,643.5	62,405.1	27.5	24.2
	2023	1,005,861.5	61,430.6	239.1	26.2

Nota:


1. Kadar tukaran telur ayam 1 biji = 60 gram.
2. Kadar tukaran telur itik 1 biji = 75 gram.
3. PCC untuk susu segar dalam liter/tahun.
4. r = pindaan

RINGKASAN PENEMUAN


Carta 34: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Daging Ayam, 2022-2024




Carta 35: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Daging Babi, 2022-2024




Carta 36: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Daging Itik, 2022-2024




Carta 37: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Daging Kambing/ Bebiri, 2022-2024




Carta 38: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Daging Lembu/ Kerbau, 2022-2024



Carta 39: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Susu Segar, 2022-2024



Carta 40: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Telur Ayam/ Itik, 2022-2024



Perikanan Terpilih

Pengeluaran udang adalah tertinggi di antara item perikanan terpilih pada 2024 iaitu 164.1 ribu tan metrik, meningkat 8.5 peratus berbanding 2023. Pengeluaran cencaru mencatatkan penurunan ketara iaitu 7.6 ribu tan metrik kepada 29.1 ribu tan metrik berbanding 36.7 ribu tan metrik pada 2023.

Eksport sotong adalah yang tertinggi iaitu 37.6 ribu tan metrik, diikuti oleh udang (28.3 ribu tan metrik) dan siakap (12.8 ribu tan metrik). Eksport ikan merah menurun dengan sebanyak 0.7 ribu tan metrik (91.1%) daripada 0.8 ribu tan metrik kepada 0.07 ribu tan metrik pada 2024.

Sotong kekal import tertinggi dengan 57.1 ribu tan metrik, menurun 4.3 ribu tan metrik berbanding 2023.

PCC bagi mackerel dan udang adalah tertinggi di antara item perikanan terpilih iaitu masing-masing 5.1 dan 4.5 kg/tahun. PCC yang terendah pula adalah 0.4 kg/tahun yang dicatatkan oleh ketam, pari dan ikan merah.

Pengeluaran udang adalah tertinggi di antara item perikanan terpilih pada 2024 iaitu 164.1 ribu tan metrik.



Paparan 7: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Perikanan Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024

Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Bawal	2024	24,401.6	193.6	7,063.7	0.9
	2023	18,466.3	1,313.2	10,679.3	0.8
Cencaru	2024	29,125.3	177.9	940.7	0.9
	2023	36,695.0	564.1	1,327.4	1.1
Keli	2024	45,018.6	1,004.0	4,754.6	1.4
	2023	42,092.9	1,145.3	621.9	1.2
Kerisi	2024	41,609.9	56.4	96.3	1.2
	2023	43,286.1	275.0	241.1	1.3
Ketam	2024	17,280.6	4,814.2	4,723.1	0.4
	2023	14,345.8	6,047.2	4,997.2	0.3
Mackerel	2024	142,015.8	14,532.4	50,385.7	5.1
	2023	142,347.6	5,906.5	54,063.0	5.6
Ikan merah	2024	13,701.8	70.5	219.5	0.4
	2023	14,037.2	788.4	1,790.3	0.5
Pari	2024	12,992.3	107.0	1,889.8	0.4
	2023	11,317.8	295.7	2,490.8	0.4
Patin	2024	20,944.1	-	-	0.6
	2023	18,812.9	-	5.0	0.6
Selayang	2024	94,234.3	660.6	15,799.0	3.1
	2023	75,596.0	811.4	15,934.9	2.6

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 7: Pengeluaran, Eksport, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Perikanan Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024 (samb.)

Item	Tahun	Pengeluaran (tan metrik)	Eksport (tan metrik)	Import (tan metrik)	PCC (kg/tahun)
Siakap	2024	65,317.6	12,775.2	543.0	1.6
	2023	58,390.3	10,400.2	1,349.3	1.5
Sotong	2024	58,624.2	37,623.4	57,062.7	2.3
	2023	58,385.4	40,866.1	61,375.5	2.4
Tilapia	2024	30,950.3	468.5	1,092.1	0.9
	2023	33,002.8	859.8	1,535.9	1.0
Tuna	2024	72,388.1	6,734.1	1,215.7	1.9
	2023	69,335.5 ^r	6,954.4	1,529.0	1.9
Udang	2024	164,141.7	28,346.1	39,174.9	4.5
	2023	151,318.9	31,823.9	41,898.0	4.2

Nota: Spesies mackerel:


- Temenong/ Pelaling
- Tenggiri
- Kembong

Spesies tuna:


- Aya/ kayu/ tongkol/ peluru
- Tuna Oceanik (Bluefin Tuna, Albacore, Yellowfin Tuna dan Bigeye Tuna)
- Tuna Like (Layaran, Mersuji dan Todak)

r = pindaan


Carta 41: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Bawal, 2022-2024




Carta 42: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Cencaru, 2022-2024




Carta 43: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Keli, 2022-2024




Carta 44: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Kerisi, 2022-2024




Carta 45: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Ketam, 2022-2024




Carta 46: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Mackerel, 2022-2024




Carta 47: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Ikan Merah, 2022-2024




Carta 48: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Pari, 2022-2024




Carta 49: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Patin, 2022-2024




Carta 50: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Selayang, 2022-2024



Carta 51: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Siakap, 2022-2024




Carta 52: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Sotong, 2022-2024




RINGKASAN PENEMUAN


Carta 53: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Tilapia, 2022-2024



Carta 54: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Tuna, 2022-2024



Carta 55: Pengeluaran, Import dan Eksport bagi Udang, 2022-2024



Beras

Pengeluaran padi pada 2024 adalah 2.1 juta tan metrik menunjukkan penurunan 5.3 peratus berbanding 2023. Sementara itu, pengeluaran beras juga menurun 5.0 peratus kepada 1.4 juta tan metrik. Import beras meningkat 17.0 peratus kepada 1.5 juta tan metrik. Penggunaan per kapita beras pada 2024 adalah 75.7 kg/tahun.

Paparan 8: Pengeluaran, Import dan Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi Beras, Malaysia, 2020-2024



	2020	2021	2022	2023	2024
Pengeluaran padi* ('000 tan metrik)	2,356	2,442	2,282	2,175	2,059
Beras					
Pengeluaran ('000 tan metrik)	1,571 ^r	1,635 ^r	1,515 ^r	1,439	1,362
Import ('000 tan metrik)	1,110	1,062	1,113	1,282	1,500
Penggunaan per kapita (kg/tahun)**	78.0 ^r	82.5 ^r	80.0 ^r	76.7	75.7

Nota: * Padi sawah dan padi huma
Pengeluaran padi adalah termasuk padi benih

** Pengiraan PCC tidak termasuk pengeluaran padi untuk benih dan termasuk stok dagangan beras import tahun sebelum yang diniagakan pada tahun rujukan.
r pindaan

Sumber: Kementerian Pertanian dan
Keterjaminan Makanan

B. KADAR SARA DIRI (SSR) DAN KADAR KEBERGANTUNGAN IMPORT (IDR) BAGI KOMODITI PERTANIAN TERPILIH
Buah-buahan Terpilih

Sembilan daripada 16 buah-buahan terpilih merekodkan SSR melebihi 100.0 peratus pada 2024. SSR melebihi 100.0 peratus menunjukkan bahawa pengeluaran tempatan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik. Betik mencatatkan SSR tertinggi dengan 142.4 peratus, diikuti belimbing (124.1%)

dan tembikai (123.1%). SSR langsung menurun kepada 77.2 peratus pada 2024 berbanding 135.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Kebergantungan negara kepada import mangga bagi memenuhi keperluan domestik kekal tinggi pada 2024 dengan IDR melebihi 100.0 peratus. Tiga buah-buahan terpilih mencatatkan IDR di bawah 1.0 peratus iaitu belimbing (0.001%), cempedak/ nangka (0.6%) dan nanas (0.2%).

Paparan 9: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi Buah-buahan Terpilih, Malaysia, 2022-2024

Item	SSR (%)			IDR (%)		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Belimbing	120.1	120.0	124.1	0.003	0.002	0.001
Betik	142.3	131.8	142.4	1.3	2.5	2.8
Buah naga	109.7	107.2	102.9	11.3	8.9	15.8
Cempedak/ nangka	114.2	109.4	110.1	0.1	1.7	0.6
Durian	108.9	104.0	103.7	1.6	3.3	1.9
Jagung manis	108.6	110.2	113.9	4.7	4.0	4.0
Jambu batu	98.0	101.8	100.9	13.1	7.9	7.7
Kelapa	71.6	70.4	69.4	29.9	30.5	31.5
Langsat	101.2	135.3	77.2	4.9	42.9	24.6
Limau besar/ bali	108.0	106.5	99.1	21.7	13.4	12.4
Mangga	32.0	19.0	20.6	79.7	103.4	116.7
Manggis	90.5	94.7	96.0	17.9	13.5	12.1
Nanas	102.5	102.7	102.1	0.2	0.2	0.2
Pisang	99.3	96.9	97.3	5.9	10.0	9.5
Rambutan	96.6	100.0	99.4	5.2	3.4	3.2
Tembikai	127.7	128.3	123.1	6.7	9.3	12.4

Sayur-sayuran Terpilih

Lapan daripada 11 sayur-sayuran terpilih pada 2024 mencatatkan SSR melebihi 100.0 peratus. SSR tertinggi adalah kacang buncis iaitu 122.7 peratus (2023: 124.7%). Cili mencatatkan SSR terendah iaitu 35.8 peratus (2023: 38.2%).

Kadar kebergantungan import (IDR) untuk cili dan kobis bulat bagi memenuhi keperluan negara kekal tinggi pada 2024 apabila mencatatkan IDR melebihi 50.0 peratus. Walau bagaimanapun, bendi mencatatkan IDR terendah pada 2024 iaitu 1.3 peratus, menurun 0.3 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 1.6 %).



Paparan 10: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi Sayur-sayuran Terpilih, Malaysia, 2022-2024

Item	SSR (%)			IDR (%)		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Bayam	109.6	107.8	107.1	1.7	2.0	2.2
Bendi	103.4	103.8	104.6	1.4	1.6	1.3
Cili	31.2	38.2	35.8	72.4	65.4	66.7
Kacang buncis	124.1	124.7	122.8	6.6	8.9	6.2
Kacang panjang	106.6	107.8	107.1	2.6	3.7	3.4
Kobis bulat	45.6	41.0	41.7	55.5	60.5	59.6
Salad	107.3	107.2	104.2	7.4	7.9	6.4
Sawi	95.9	96.8	96.4	8.0	5.9	4.2
Terung	106.6	111.0	104.1	9.9	9.5	8.9
Timun	110.6	106.1	105.7	13.1	11.3	12.2
Tomato	118.0	117.3	113.0	3.5	4.3	3.1

Tanaman Lain Terpilih

Kadar sara diri tebu menunjukkan trend menaik sebanyak 17.8 peratus dan kekal tertinggi di antara tanaman lain terpilih. Tebu mencatatkan SSR melebihi 100.0 peratus pada 2024 iaitu 179.7 peratus berbanding 161.9 peratus pada 2023.

Cendawan merekodkan IDR tertinggi direkodkan iaitu 89.3 peratus. Manakala, IDR terendah direkodkan oleh tebu iaitu 1.1 peratus.



Paparan 11: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi Tanaman Lain Terpilih, Malaysia, 2022-2024

Item	SSR (%)			IDR (%)		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Cendawan	48.4	47.0	35.7	78.6	73.7	89.3
Halia	15.9	16.9	15.5	85.6	86.7	86.9
Limau nipis/ kasturi	71.5	61.9	67.4	35.5	44.9	39.3
Tebu	144.6	161.9	179.7	0.7	2.4	1.1
Ubi kayu	100.5	100.6	88.5	2.0	2.0	13.2
Ubi keledak	73.5	62.4	68.3	31.6	41.3	33.4

Ternakan Terpilih

Daging itik dan telur ayam/ itik merekodkan SSR melebihi 100.0 peratus pada 2024. Sementara itu, SSR daging kambing/ bebiri adalah terendah dengan 8.5 peratus pada 2024 dengan penurunan 2.1 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 10.6%).

Malaysia masih bergantung kepada import daging kambing/ bebiri, daging lembu/ kerbau dan susu segar dalam memenuhi keperluan domestik negara. Daging kambing/ bebiri mencatatkan IDR tertinggi pada 2024 (92.1%), diikuti daging lembu/ kerbau (83.5%) dan susu segar (57.9%).

Paparan 12: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi Ternakan Terpilih, Malaysia, 2022-2024

Item	SSR (%)			IDR (%)		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Daging ayam	93.5	90.2	92.9	10.4	13.7	11.0
Daging babi	84.6	69.6	67.8	15.6	30.6	32.4
Daging itik	130.9	130.9	129.9	0.21	0.16	0.05
Daging kambing/ bebiri	8.7	10.6	8.5	91.5	89.6	92.1
Daging lembu/ kerbau	14.7	15.9	16.8	85.6	84.5	83.5
Susu segar	57.3	66.8	66.7	63.6	56.6	57.9
Telur ayam/ itik	108.9	106.5	107.0	0.013	0.025	0.003


Perikanan Terpilih

Empat daripada 15 perikanan terpilih merekodkan SSR 100.0 peratus dan lebih pada 2024 iaitu siakap (123.0%), tuna (108.3%), ketam (100.5%) dan patin (100.0%). Sementara itu, SSR terendah dicatatkan oleh sotong dengan 75.1 peratus pada 2024 dengan peningkatan 1.1 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 74.0%).

Sotong mencatatkan IDR tertinggi iaitu 73.1 peratus pada 2024, menurun daripada 77.8 peratus pada 2023. IDR bagi kerisi adalah terendah dengan 0.2 peratus.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 13: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi Perikanan Terpilih, Malaysia, 2022-2024

Item	SSR (%)			IDR (%)		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Bawal	62.3	66.3	78.0	42.6	38.4	22.6
Cencaru	91.6	98.0	97.4	10.0	3.5	3.1
Keli	102.2	101.3	92.3	2.1	1.5	9.7
Kerisi	99.3	100.1	99.9	1.8	0.6	0.2
Ketam	97.8	107.9	100.5	23.5	37.6	27.5
Mackerel	78.2	74.7	79.8	27.9	28.4	28.3
Ikan merah	83.9	93.3	98.9	30.1	11.9	1.6
Pari	79.7	83.8	87.9	22.4	18.4	12.8
Patin	100.0	100.0	100.0	0.03	0.03	-
Selayang	72.1	83.3	86.2	28.8	17.6	14.4
Siakap	116.5	118.3	123.0	2.4	2.7	1.0
Sotong	73.8	74.0	75.1	70.6	77.8	73.1
Tilapia	97.3	98.0	98.0	4.3	4.6	3.5
Tuna	100.9	108.5	108.3	3.8	2.4	1.8
Udang	96.5	93.8	93.8	24.3	26.0	22.4

Beras

Beras mencatatkan kadar sara diri 52.9 peratus pada 2024 berbanding 56.2 peratus pada 2023.



Paparan 14: Kadar Sara Diri (SSR) bagi Beras, Malaysia, 2020-2024



Tahun

2020

2021

2022

2023

2024

SSR (%)

62.1

60.9

57.9

56.2

52.9

Sumber: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

C. IMPORT BARANGAN MAKANAN TERPILIH

Walaupun Malaysia mempunyai hasil pengeluaran pertanian sendiri, negara masih bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan makanan domestik. Antara produk makanan yang sepenuhnya diimport ialah bawang besar, bawang putih, susu tepung bayi & kanak-kanak serta epal. Malaysia mula menghasilkan bawang kecil pada 2024 namun dalam jumlah yang terhad, menyebabkan sebahagian besar keperluan masih perlu diimport.

Penggunaan per kapita yang tertinggi pada 2024 direkodkan oleh bawang besar sebanyak 14.8 kg/tahun, diikuti oleh bawang putih (6.6 kg/tahun), epal (3.0 kg/tahun) dan bawang kecil (2.4 kg/tahun).

Jumlah import bawang besar adalah yang tertinggi pada 2024 dengan 505.1 ribu tan metrik dengan nilai RM1.24 bilion. Ini diikuti oleh produk tenusu (357.6 ribu tan metrik) dan bawang putih (226.1 ribu tan metrik).


Paparan 15: Kadar Kebergantungan Import (IDR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) Barangan Makanan Terpilih, Malaysia, 2024

					
	Epal	Bawang besar	Bawang kecil	Bawang putih	Susu tepung bayi & kanak-kanak
IDR (%)	100.0	100.0	99.99	100.0	100.0
PCC (kg/tahun)	3.0	14.8	2.4	6.6	22.1*

Nota:

1. Pengiraan PCC adalah menggunakan proksi perbelanjaan isi rumah Malaysia
2. *Merujuk kepada penduduk Malaysia berumur 6 tahun dan ke bawah

Paparan 16: Import Barangan Makanan Terpilih, Malaysia, 2023 dan 2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

A. PRODUCTION, IMPORT, EXPORT AND PER CAPITA CONSUMPTION (PCC) FOR SELECTED AGRICULTURAL COMMODITIES

A total of 60 selected agricultural items with six new items namely dragon fruit, pomelo, french bean, mushroom, pomfret and red snapper were covered in this publication. Thirty six items recorded an increase in production in 2024. Meanwhile, imports of 27 selected agricultural items and exports of 20 agricultural items recorded an increase over the previous year.

Selected Fruits

The production of nine selected fruits increased in 2024 as compared to the previous year. Coconut remained the highest production with 673.6 thousand tonnes in 2024. The highest increase in production was recorded by pineapple with 76.0 thousand tonnes, followed by coconut with 47.0 thousand tonnes.

Exports of watermelon was the highest in 2024 with 48.4 thousand tonnes, 28.9 per cent of total local production. This total exports increased by 9.9 per cent as compared to 2023.

